

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

# Michael Somare akan bincang kerjasama ekonomi dengan Dr M

KUALA LUMPUR, Isnin — Perdana Menteri Papua New Guinea Encik Michael Somare akan membincangkan bidang-bidang kerjasama ekonomi yang boleh diadakan dengan rakan sejawatnya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa lawatan empat harinya ke sini bermula pada 19 November ini.

Jurucakap Wisma Putera berkata Encik Somare akan mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi memajukan perdagangan antara kedua-dua negara, terutama usahasama dengan sektor swasta di Malaysia dalam bidang perlombongan dan sektor ladang.

Encik Somare yang membalas lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir ke Pelabuhan Moresby pada bulan Oktober tahun lalu, juga akan meninjau program latihan yang ditawarkan oleh Malaysia di bawah program kerjasama teknik bagi negara membangun.

Di bidang politik, kedua-dua pemimpin itu dijangka membincangkan perkara-perkara yang akan ditimbulkan dalam sidang kemuncak Komanwel di New Delhi dari 23 hingga 30 November. Encik Somare akan berlepas ke ibu negara India selepas lawatannya ke sini.

Pegawai itu juga berkata bahawa kedua-dua pemimpin itu akan menyentuh isu yang akan ditimbulkan dalam Persidangan Ketua-ketua Kerajaan Rantau Komanwel (CHOGRM) 1984 yang diadakan di New Guinea.

Selain isterinya, Encik Somare diiringi oleh Menteri Perkhidmatan Awam Encik Tony Siaguru dan lain-lain pegawai kanan.

Acara-acara lawatannya termasuklah mengadap Timbalan Yang di-Pertuan Agong, melawat rancangan Felda di Trolak, skim penanaman padi di Tanjung Karang dan menghadiri majlis makan malam dianjurkan oleh sektor swasta. — Bernama.